



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



JPS Updates

EDISI KEEMPAT

2025



**YANG DI-PERTUAN AGONG BERKENAN DIPERSEMBAHKAN TAKLIMAT
KOMPREHENSIF SITUASI BANJIR, TAHAP HAKISAN PANTAI DAN
PERKEMBANGAN PROJEK TEBATAN BANJIR**



Jabatan Pengairan
dan Saliran Malaysia



Jabatan Pengairan
dan Saliran Malaysia



@jps_malaysia



@jps_malaysia



www.water.gov.my

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Alhamdulillah, buletin edisi keempat ini dapat diterbitkan sebagai wadah perkongsian aktiviti, pencapaian dan inisiatif warga JPS sepanjang suku akhir tahun. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi komitmen dan kerjasama dalam menjayakan pelbagai program serta penerbitan buletin ini.

Edisi kali ini memaparkan kesinambungan usaha JPS dalam memperkukuh pengurusan sumber air negara, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memperkasa budaya kerja berpasukan dan inovasi.



Setiap aktiviti yang dirakam mencerminkan dedikasi warga JPS dalam melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab dan profesionalisme.

Seiring dengan penutup tirai tahun, saya berharap buletin ini dapat menjadi sumber maklumat dan inspirasi kepada semua warga JPS untuk terus melangkah ke hadapan dengan azam yang lebih kukuh, selari dengan visi dan misi jabatan.

Sekian, terima kasih.

Jayakan Perkhidmatan Sempurna

Ir. ASNOL ADZHAN BIN ABD. MANAP, KMN., AMP.

Pengarah Bahagian Korporat

PENASIHAT

Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

PENYELARAS

Ir. Hanizan bin Deraman
Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

KETUA EDITOR

Ir. Asnol Adzhan bin Abd. Manap, KMN., AMP.
Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

EDITOR

Ir. Faridah binti Mohd Razelan
Timbalan Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

PENOLONG EDITOR

Ir. Ts. Muhamad Fariz bin Ismail, AMP
Noorul Faedzah binti Rosli
Salwana Fadzil
Nora Idayu Ahmad Nazri

Tinta Ketua Editor

Sidang Redaksi



Ministry of
Agriculture and
Environment

Session of the UNESCO IHP RSC—

21 — 2 October 2025 | Ha Noi, Viet Nam



OKTOBER

2025

IHP 20

Slot temubual APA KHABAR MALAYSIA

Sambutan Hari Sungai Sedunia 2025



YBrs. Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia bersama YBrs. Ir. Ts. Hajah Norlida binti Mamad @ Samad, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai JPS Malaysia telah bersiaran secara langsung dalam slot Apa Khabar Malaysia di Bernama TV pada pagi ini..

Slot temubual ini mempromosikan sambutan Hari Sungai Sedunia 2025 yang akan berlangsung di Sungai Batu Tegoh, Padang Merbok, Taiping, Perak pada 4 Oktober 2025. Tema sambutan pada tahun ini adalah “Sungai dan Alur dalam Komuniti Kita”.



Sambutan ini merupakan platform terbaik untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai kepentingan menghargai serta memelihara sungai yang merupakan khazanah sumber air negara yang amat berharga untuk kita semua dan generasi yang akan datang.

YB TIMBALAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR KE PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI KELANTAN

YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), hari ini telah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau kemajuan dua projek utama pembangunan lembangan sungai di Negeri Kelantan, iaitu:

- Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1
- Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1

Lawatan ini bertujuan menilai kemajuan pelaksanaan projek, serta memastikan inisiatif tebatan banjir dan pengurusan lembangan sungai dilaksanakan mengikut jadual dan mencapai objektif yang ditetapkan.



Turut hadir mengiringi YB Timbalan Menteri ialah YBrs. Ir. Wan Marhafidz Shah Bin Wan Mohd. Omar, Pengarah Bahagian Projek Khas, YBrs. Ir. Marenawati Binti Abd Malek, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir, YBrs. Dr. Ir. Ts. Siti Fairus Hj. Zakaria, Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan serta pegawai-pegawai JPS Malaysia.



TINJAUAN

03 Oktober 2025

YAB TPM MERANGKAP MENTERI PETRA KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTERA (PPS) BAGI MENYANTUNI MANGSA BANJIR 3 OKTOBER 2025 | TAIPING, PERAK



YAB Dato' Sri Hj Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA, malam tadi meninjau beberapa PPS di Taiping bagi menyantuni mangsa banjir.

Beliau turut melawat kawasan terjejas termasuk SK Simpang, SK Matang, SK Matang Gelugor serta Jalan Kuala Sepetang.

Turut hadir Ketua Setiausaha PETRA, Dato' Haji Mad Zaidi Karli dan TKSU (Air), Dato' Mohd Rodzwan Baba Sakri.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat termasuk Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Terima kasih juga kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), RELA, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kesihatan, agensi-agensi kerajaan lain, para sukarelawan, NGO serta penduduk setempat yang berganding bahu membantu mangsa banjir.



LAWATAN

KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) BERSAMA YAB TPM BAGI MENYANTUNI MANGSA BANJIR 03 OKTOBER 2025 | KUALA KANGSAR, PERAK

YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah turut sama mengiringi YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA dalam lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menyantuni mangsa banjir di Taiping, Perak.

Lawatan tersebut turut disertai oleh YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mad Karli, Ketua Setiausaha PETRA; YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Air) PETRA; YBrs. Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia; serta pegawai-pegawai dari PETRA, JPS Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak.



SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA

04 Oktober 2025

PERINGKAT KEBANGSAAN 2025 | 4 OKTOBER 2025 | TAIPING, PERAK



Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 (HSS2025) telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), yang telah berlangsung di Sungai Batu Tegoh @ Padang Merbok, Taiping, Perak.

Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Nizar bin Jamaluddin, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Negeri Perak merangkap wakil rasmi YAB Menteri Besar Perak; YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA); YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia serta para dif jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat.

Dengan bertemakan "Sungai dan Alur Air dalam Komuniti Kita", sambutan ini menekankan kepentingan meningkatkan kesedaran serta memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat terhadap penjagaan, pemuliharaan dan kelestarian sungai-sungai di seluruh negara.



LAWATAN KERJA

Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) ke Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Mesra Alam (Saliran Bandar) di Daerah Kuala Kangsar
4 Oktober 2025 | Kuala Kangsar, Perak



YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah turun ke tapak projek membuat lawatan bagi meninjau kemajuan pelaksanaan projek ini.

Turut mengiringi beliau ialah YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBrs. Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia dan pegawai-pegawai dari JPS Malaysia.

Projek bernilai RM21 juta ini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2026 yang merangkumi kerja-kerja penambahbaikan sungai serta kerja-kerja pembinaan dan penambahbaikan kolam.

PENERIMAAN PENGHARGAAN PERKONGSIAN DATA PROGRAM MALAYSIA GEOSPATIAL DATA INFRASTRUCTURE (MyGDI)

08 Oktober 2025



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menerima Penghargaan Perkongsian Data Program MyGDI daripada Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sempena Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS) ke-10 Tahun 2025 yang bertemakan "Geospasial Pemacu Kelestarian Negara."

Penghargaan ini telah disampaikan bagi mengiktiraf komitmen berterusan JPS dalam perkongsian dan penyediaan data geospasial di bawah inisiatif Malaysia Geospasial Data Infrastructure (MyGDI), yang menyokong pembangunan serta pengurusan sumber negara secara mampan.

Majlis penghargaan ini telah dihadiri oleh YBrs. Ir. Ts. Dr. Hj. Muhammad Khairudin bin Khalil, Pengarah Pengurusan Fasilitas dan GIS, JPS Malaysia. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua warga JPS atas komitmen, kerjasama dan sokongan berterusan dalam menjayakan inisiatif perkongsian data geospasial negara.



Majlis anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) dengan kerjasama Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI) Zon Timur ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Kursus yang berlangsung dari 6-10 Oktober 2025 ini memberi tumpuan kepada pembangunan potensi kepimpinan serta persediaan pegawai JPS untuk menjadi pemimpin masa depan. Program ini bertujuan memperkasa nilai dan kompetensi kepimpinan dalam kalangan Pegawai Pengurusan dan Profesional Gred J12 ke atas, agar lebih bersedia menggalas cabaran dalam merealisasikan visi JPS sebagai Peneraju Perkhidmatan Kejuruteraan dan Pengurusan Sumber Air Negara.

MAJLIS PENUTUP KURSUS LEADERSHIP ENHANCEMENT AND DEVELOPMENT (LEAD) JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Ir. Mohd Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar); YBrs. Ir. Hanizan bin Deraman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan); Ir. Azaitulnora binti Shamsudin, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan; serta Ir. Mohd Adnan bin Ahmad Fauzi, Pengarah JPS Negeri Melaka.

Turut hadir dalam program ini ialah barisan penceramah jemputan dan penceramah dalaman JPS, antaranya:

Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor bin Haji Mahfar, Pengerusi Universiti Utara Malaysia

- Dr. Hj. Noorhisham bin Mohd Alwi, NH Strategic Resources
- Dr. Amir Raslan bin Abu Bakar, Senior Strategic Business Consultant
- Dato' Ir. Ratna Rajah Sivapiragasam, Pengarah Humid Tropics Centre
- Ir. Marenawati binti Abd Malek, Pengarah Pengurusan Banjir

Tahniah diucapkan kepada Ir. Siti Azura binti Mat Daud dari SMART yang dinobatkan sebagai Peserta Terbaik Kursus LEAD 2025!



Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah

kepada

Yang Amat Berhormat Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof

Timbalan Perdana Menteri

Merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

Atas pengurniaan

Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak Datuk Amar

Bintang Kenyalang (D.A.)

Yang membawa gelaran

Datuk Amar

Pada Istiadat

Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran Negeri Sarawak Sempena

Sambutan Perayaan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri

Sarawak Tahun 2025

Pada

11 Oktober 2025





MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROGRAM PEMBANGUNAN (JPPP) BAGI PROJEK JABATAN BUKAN TEKNIKAL (AP 182) BIL. 3/2025 SIA AND THE PACIFIC (UNESCAP)

14-15 OKTOBER 2025 | BANDAR INDERA MAHKOTA, KUANTAN



Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (JPPP AP182) Bil. 3/2025 telah dipengerusikan oleh YBrs. Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) yang diadakan di Bilik Mesyuarat Anggerik, Kompleks Tun Razak, Indera Mahkota, Kuantan.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah JPS Negeri, serta wakil jabatan bagi membincangkan prestasi semasa pelaksanaan fizikal dan kewangan projek-projek di bawah peruntukan AP182 yang dikendalikan oleh JPS Malaysia.

Selain itu, mesyuarat ini turut menjadi platform penyelarasan strategik antara JPS dan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar serta mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JPS Negeri Pahang selaku tuan rumah atas kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan penganjuran mesyuarat ini.



38th GENERAL ASSEMBLY OF INWRDAM (INTER-ISLAMIC NETWORK ON WATER RESOURCES DEVELOPMENT AND MANAGEMENT)



Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) telah hadir sebagai delegasi Malaysia bagi 38th General Assembly of INWRDAM bertempat di Cairo, Mesir. Forum ini menjadi platform penting bagi memperkukuh kerjasama serantau dan perkongsian strategik antara negara anggota OIC dalam pengurusan sumber air secara mampan serta pencapaian keterjaminan sumber air bersama.

Sesi perbincangan turut menyaksikan persetujuan para delegasi untuk merangka satu pelan hala tuju bagi penyediaan kajian, kertas dasar dan cadangan projek lengkap yang menyeluruh di bawah inisiatif serantau utama Water-Energy-Food-Ecosystem (WEFE) Nexus. Pelaksanaan awal akan memfokus kepada negara-negara di sekitar Laut Merah dan kawasan bersebelahan sebagai model kerjasama serantau, bertujuan memperkukuh pemberdayaan komuniti dan peningkatan daya tahan terhadap perubahan iklim.

H.E Prof. Dr. Hani Atef Sewilam, Menteri Sumber Air dan Pengairan Republik Arab Mesir, telah merasmikan persidangan ini yang diadakan bersempena Cairo Water Week 2025. Turut hadir ialah para duta ke Republik Arab Mesir, pembuat dasar air serantau, wakil kementerian kerajaan berkaitan, pakar dan ahli dalam bidang sumber air dan wakil komuniti antarabangsa yang mewakili 20 buah negara anggota INWRDAM.

Salam Takziah

Semua warga JPS Malaysia turut berdukacita dan mengucapkan salam takziah kepada keluarga dan rakan kenalan Allahyarhamah Norhidayah binti Zakaria, Penolong Jurutera Awam, Rancangan Pengairan Muda, JPS Malaysia yang telah kembali ke Rahmatullah pada 18 Oktober 2025. Semoga seluruh keluarga arwah tabah dalam menghadapi ujian dan dugaan ini. Sama-sama kita doakan agar roh Allahyarhamah ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا،

"Ya Allah Ya Tuhanku ampunilah dia, rahmatilah dia, maafkanlah dia, muliakanlah kematiannya, lapangkanlah kuburnya, jadikanlah syurga sebagai ganti tempat tinggalnya dan berilah kesabaran kepada ahli keluarganya, semoga arwah di tempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.."

آمِينَ آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ



SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI 2025

Semoga festival cahaya ini diraikan dengan penuh kegembiraan serta terus menyinari semangat perpaduan dalam suasana harmoni, saling menghormati dan penuh toleransi. Moga perayaan ini membawa sinar kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua penganut agama Hindu.



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR



JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN MALAYSIA

SELAMAT MENYAMBUT HARI *Deepavali* TAHUN 2025

"Semoga perayaan ini membawa sinar cahaya kesejahteraan dan kebahagiaan kepada semua penganut agama Hindu"

Ikhlas daripada
**Ketua Pengarah dan Seluruh Warga
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia**

#JPSMalaysia
#JayakanPerkhidmatanSempurna



www.water.gov.my



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - JPS



[jps_malaysia](https://www.instagram.com/jps_malaysia)

#JayakanPerkhidmatanSempurna

THE 32nd SESSION OF THE UNESCO IHP REGIONAL STEERING COMMITTEE MEETING FOR ASIA AND THE PACIFIC (RSC-AP)

21-23 OKTOBER 2025 | HANOI, VIETNAM

22 Oktober 2025

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama YBr. Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) serta wakil HTC Kuala Lumpur.

(RSC-AP) ini telah dimulakan dengan Bengkel Saintifik bertemakan "Water Science and Management for Sustainable Development under Climate Change", melalui ucapan pembukaan oleh Assoc. Prof. Dr. Pham Thi Thanh Nga (Pengerusi RSC-AP) dan Mr. Jonathan W. Baker (wakil UNESCO di Viet Nam).

Bengkel yang menghimpunkan para pakar dari seluruh rantau Asia dan Pasifik ini menjadi platform pembentangan dan perkongsian mengenai cabaran keselamatan air dan perubahan iklim, perkongsian inovasi dalam pengurusan air lestari dan pembentangan mengenai kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) dalam pengurusan sumber air. Puan Sazliana binti Abu Omar dari HTC KL mewakili Malaysia berkongsi dapatan kajian menerusi pembentangan bertajuk "The Changes of Rainfall Pattern and Trend Distribution in Malaysia" menerusi sesi 8th Catalogue of Hydrologic Analysis (CHA) Meeting.



32nd Session of the UNESCO IHP RSC-AP

21 — 23 October 2025 | Ha Noi, Viet Nam



Laporan

PENCAPAIAN OUTCOME PROGRAM/PROJEK JAWATANKUASA KERJA PENILAIAN OUTCOME (JKPO) 2024 ICU JPM



Syabas dan tahniah kepada JPS Malaysia bagi pencapaian antara Laporan Penilaian Outcome Program/Projek JKPO 2024 ICU JPM terbaik di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) yang melibatkan projek:

1. RTB Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang; dan
2. Kerja Mencegah Hakisan Pantai Mek Mas Kota Bharu, Kelantan (Tawaran Semula).

Penyampaian penghargaan ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) kepada YBrs. Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) Bil. 10/2025.

Tahniah & Penghargaan

Sekalung Tahniah dan Penghargaan

kepada

YBHG. DATO' SRI HAJI MAD ZAIDI BIN MOHD KARLI

Ketua Setiausaha

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

atas pengurniaan

**DARJAH KEBESARAN SULTAN AHMAD SHAH PAHANG
YANG AMAT DI MULIA - PERINGKAT PERTAMA SRI SULTAN
AHMAD SHAH PAHANG (S.S.A.P)**

yang membawa gelaran

DATO' SRI

sempena

**MEMULIAKAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG
KE-66 KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN
PAHANG**

pada

28 OKTOBER 2025

Ikhlās daripada

**Ketua Pengarah dan seluruh warga
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia**



Tahniah & Penghargaan

Sekalung Tahniah dan Penghargaan
kepada

YBHG. DATO' Ir. MOHD SHA'RI BIN MOHAMMED

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

atas pengurniaan

**DARJAH KEBESARAN MAHKOTA PAHANG YANG AMAT
MULIA - PERINGKAT KEDUA DARJAH INDERA MAHKOTA
PAHANG (D.I.M.P)**

yang membawa gelaran

DATO'

sempena

**MEMULIAKAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG
KE-66 KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG**

pada

28 OKTOBER 2025

Ikhlās daripada

**Ketua Pengarah dan seluruh warga
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia**



ANugerah Pembangunan
NEGARA 2025



KOD QR

NOVEMBER

2025

03 November 2025

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BULAN INTEGRITI JABATAN PENGAIARAN DAN SALIRAN MALAYSIA TAHUN 2025

3 NOVEMBER 2025 | DEWAN SERBAGUNA JPS MALAYSIA

Majlis Perasmian Program Bulan Integriti Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia Tahun 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia, bertempat di Dewan Serbaguna JPS Malaysia.

Dengan bertemakan “Penjawat Awam Berintegriti Pemangkin Generasi Bermaruah”, penganjuran program ini bertujuan untuk menyemai dan memperkukuh nilai integriti dalam kalangan warga JPS Malaysia selaras dengan aspirasi perkhidmatan awam yang berakauntabiliti dan beretika tinggi.

Turut diadakan sesi ceramah bertajuk “Celik Hak: Tribunal Bagi Antigangguan Seksual” yang telah disampaikan oleh YBrs. Puan Nur Sabrina binti Ahmad Gholib dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Majlis turut dihadiri oleh pengarah-pengarah bahagian serta warga JPS Malaysia yang turut memberikan sokongan terhadap usaha memperkukuh budaya integriti dalam organisasi.





Lawatan Tapak

KESIAPSIAGAAN ASET JPS MENGHADAPI BANJIR MONSUN TIMUR LAUT DI TERENGGANU

6 NOVEMBER 2025 | KUALA NERUS, KUALA TERENGGANU



Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menjalankan Lawatan Tapak Kesiapsiagaan Aset Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Menghadapi Banjir Monsun Timur Laut (MTL) di Terengganu pada 6 November 2025.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk melihat kesediaan dan pengoperasian aset serta keperluan sumber JPS di tapak dalam memastikan kesiapsiagaan menghadapi Monsun Timur Laut dapat diselaras dengan baik seterusnya memperkukuh usaha mitigasi banjir di peringkat negeri dan nasional.

Lawatan tapak ini telah diketuai oleh Pn. Intan Syuriani binti Ismail, SUB Bahagian Kewangan PETRA dan En. Mohd Kamaruzaini bin Ismail, Timbalan Pengarah JPS Terengganu serta turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Kementerian dan JPS. Lawatan tapak ini memberi tumpuan kepada aset-aset kritikal dan projek mitigasi banjir di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu



MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PENGURUSAN ADUAN KEMENTERIAN (JKTPAK) BIL. 1, TAHUN 2025

7 November | Menara PETRA, Putrajaya



Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan Kementerian (JKTPAK) Bil. 1 Tahun 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mad Zaidi Bin Mohd karli, Ketua Setiausaha PETRA dan dihadiri oleh YBhg. Datuk Akbar bin Haji Samon, Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam (BPA), Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi, Setiausaha Setiausaha Bahagian PETRA serta Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan/Agensi.

Mesyuarat ini diadakan sebagai iltizam untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam konteks pengurusan aduan dan memastikan pengurusan aduan Kementerian serta agensi di bawahnya dapat dilaksanakan secara efektif dan teratur kepada orang awam.

PETRA turut meraikan penganugerahan penarafan tertinggi Platinum bagi Naziran Pengurusan Aduan Awam 2025 yang dilaksanakan oleh BPA, yang akan menjadi pendorong untuk lebih komited dalam memperkasa pengurusan aduan awam dari masa ke masa.

MESYUARAT

PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM BIL. 2/2025

10 NOVEMBER | BILIK MESYUARAT SFERA, JPS MALAYSIA



Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Ir. Hanizan bin Deraman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), dan dihadiri oleh pegawai-pegawai perhubungan awam dari setiap bahagian di Ibu Pejabat serta wakil dari pejabat negeri Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.



Pelaksanaan mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab pegawai perhubungan awam di peringkat Jabatan, selain memperkukuh saluran komunikasi dalaman dan luaran JPS Malaysia. Antara agenda utama yang dibincangkan termasuk penyelarasan pengurusan aduan awam, pelaksanaan pelan komunikasi strategik jabatan, pengurusan maklum balas melalui saluran rasmi seperti SISPA, serta pendekatan komunikasi berkesan bagi meningkatkan imej dan kepercayaan orang awam terhadap perkhidmatan JPS.

11 November 025

Lawatan

PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SUNGAI KEDAH/ANAK BUKIT

Pada 9 September 2025, satu lawatan kerja rasmi ke tapak Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kedah/Anak Bukit Pakej 2 telah diketuai oleh Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes). Lawatan ini turut disertai oleh Ir. Wan Marhafidz, Pengarah Bahagian Projek Khas; Ir. Ahmad Solihin bin Budarto, Pengarah JPS Negeri Kedah; serta Gs. Baharuddin bin Ahmad, Timbalan Pengarah Kejuruteraan.

Lawatan tersebut merangkumi tinjauan menyeluruh ke beberapa komponen utama projek, termasuk Jambatan JKR CH4600, Jambatan JKR CH9600, serta Light Traffic Bridge. Fokus utama adalah untuk menilai kemajuan fizikal terkini, meneliti ketekunan dan kemampuan kerja kontraktor utama, memastikan pematuhan terhadap spesifikasi teknikal, serta memantau pelaksanaan kerja agar selaras dengan jadual perancangan projek yang disiapkan berdasarkan Lanjutan Masa No.5 bertarikh 14 Jun 2026.

Selain tinjauan tapak, satu sesi perbincangan turut diadakan di pejabat tapak bagi mengenal pasti isu-isu teknikal yang memerlukan tindakan segera, menyelaraskan langkah penambahbaikan, serta memastikan setiap komponen projek dapat dilaksanakan mengikut sasaran masa yang ditetapkan. Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan JPS dalam memastikan projek RTB dilaksanakan dengan cekap demi meningkatkan tahap perlindungan banjir bagi kawasan Sungai Kedah dan Anak Bukit.



PENILAIAN OUTCOME KHAS PENCAPAIAN KONSISTEN 12 NOVEMBER 2025 | DEWAN DAMAR SARI, PUTRAJAYA



Anugerah berprestij ini merupakan pengiktirafan kepada jabatan/agensi yang menunjukkan pencapaian konsisten dalam pembudayaan Penilaian Outcome selama tiga (3) tahun berturut-turut. Tahniah kepada seluruh warga JPS Malaysia atas pencapaian ini yang mencerminkan komitmen berterusan dalam menjayakan budaya kecemerlangan perkhidmatan awam.



Tahniah dan Syabas kepada JPS Malaysia atas pengiktirafan Anugerah Penilaian Outcome Khas Pencapaian Konsisten sempena Simposium Pembangunan dan Anugerah Pembangunan Negara (SPAPN) 2025 yang berlangsung di Dewan Damar Sari, Putrajaya.

Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YAB. Datuk Amar Haji Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) kepada YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia.



12 November 2025

ARC GIS

Innovator League 2025



Majlis penutup bagi ArcGIS Innovator League 2025 bersempena dengan National Government Bootcamp 2025 telah diadakan di Dashbox Hotel Cyberjaya pada 11 November 2025.



Penglibatan pegawai-pegawai JPS Malaysia dalam menyertai Pertandingan ArcGIS Innovator League 2025 peringkat kebangsaan, anjuran ESRI Malaysia telah bermula 25 Ogos sehingga 15 Oktober 2025, bertemakan “GIS – Integrating Everything, Everywhere”, yang menekankan peranan Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai platform integrasi pelbagai data dan menyediakan penyelesaian pintar di dalam pengurusan bencana serta pembangunan yang mampan.



Sebanyak 14 penyertaan daripada pelbagai Jabatan Kerajaan Persekutuan telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini, mempamerkan inovasi dan kreativiti dalam penggunaan teknologi GIS bagi memperkukuhkan tadbir urus di dalam perkhidmatan awam. JPS telah mengungguli pertandingan ini dengan merangkul beberapa tempat



Tempat Pertama: George Town Flood Resilience Planner oleh Ir. Ts. Gs. Haslinda binti Mohamad Hamran, JPS Malaysia

Tempat Kedua: Perak River Basin Smart Monitoring System (PRiSMS) oleh Tc. Gs. Afizan bin Ahmad Puat, JPS Perak

Lima Penyertaan Tersenarai Pendek: Aplikasi Saliran Sungai Kemaman oleh Ir. Gs. Wahiddin bin Mohd. Amir

Sijil Penyertaan: Sistem Maklumat Banjir Terengganu oleh Ir. Gs. Wahiddin bin Mohd. Amir

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga JPS yang terlibat di atas komitmen, usaha dan semangat inovasi yang tinggi dalam memperkasakan aplikasi GIS ke arah pengurusan bencana berasaskan air yang lebih lestari dan berkualiti. awei kanan KPKM dan jabatan/agensi.

Majlis Amanat Ketua Pengarah

Bersama Warga JPS Malaysia, Majlis Apresiasi, Majlis Persaraan dan Sambutan Deepavali Peringkat JPS Malaysia Tahun 2025 14 Nov 2025 | Dewan Sebaguna JPS Malaysia

YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia, telah menyampaikan amanat kepada warga kerja JPS Malaysia dengan menekankan prestasi perbelanjaan pembangunan dan mengurus Jabatan. Beliau turut menzahirkan harapan agar tahun 2026 akan memperkukuh lagi peranan JPS Malaysia sebagai sebuah organisasi teknikal yang dihormati, disegani dan diyakini rakyat, berpaksikan integriti, profesionalisme dan komitmen berterusan dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan jabatan.

Majlis turut diserikan dengan Majlis Apresiasi, di mana seramai 73 pegawai berjaya ditauliahkan dan diiktiraf dengan pelbagai pencapaian profesional seperti Professional Engineer (PE), Geospatial Professional (Gs.), Professional Technologist (Ts.) serta beberapa pentauliahkan lain.

Majlis diserikan lagi dengan Sambutan Deepavali peringkat JPS Malaysia bagi menghargai warga kerja beragama Hindu yang menyambut Pesta Cahaya pada tahun ini. Semoga perayaan ini membawa sinar kebahagiaan, keharmonian dan kesejahteraan kepada semua penganut agama





PERASMIAN DENAI SUNGAI LIPIS: PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN JPS MALAYSIA

16 NOVEMBER 2025 | TAMAN REKREASI BATU MALIM, RAUB



Perasmian oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah disempurnakan dengan menandatangani plak perasmian DSK.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia, jemputan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta penduduk setempat.


Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) ini dilaksanakan bagi menggalakkan penglibatan masyarakat sebagai mata dan telinga dalam melaporkan serta mencegah sebarang aktiviti pencemaran sungai. Melalui pelaksanaan program ini, masyarakat diharap dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara dan memulihara sungai sebagai sumber alam yang kritikal.

Sijil Apresiasi Anugerah Khas Sumber Air (AKSA) kepada JPKK Kampung Batu Malim serta Penyerahan Projek Pemulihan Koridor Sungai Triang dan Sungai Semerting kepada Kerajaan Negeri Pahang turut disampaikan dalam Majlis ini.



PENGGULUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026

19 NOVEMBER 2025 (RABU) | PARLIMEN, KUALA LUMPUR



19 November 2025



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir telah melaksanakan Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 Peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat.

Beliau menegaskan komitmen Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) terhadap Belanjawan 2026 yang menekankan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi serta kemampanan sumber tenaga dan air demi kesejahteraan rakyat. Sejumlah RM5.19 bilion diperuntukkan bagi sektor tenaga dan air, dengan tumpuan pada inisiatif strategik seperti projek peralihan tenaga dan transformasi air



DAULAT TUANKU



Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah Serta Ucapan Selamat Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku
pada

22 November 2025 bersamaan **1 Jamadilakhir 1447H.**

Sembah Takzim daripada Ketua Pengarah dan seluruh warga kerja Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Daulat Tuanku!

Menjunjung Kasih Tuanku!



KUALA LUMPUR | YBr. Tuan Edy Irwan bin Zulkafli, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerima kunjungan hormat daripada YBr. Ir. Hanizan bin Deraman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia..

Pertemuan ini membuka lembaran baharu ke arah kerjasama strategik antara PNM dan JPS, khususnya dalam pembangunan repositori digital, perkongsian kepakaran, pembangunan kandungan serta penerokaan peluang perkongsian data bagi menyokong ekosistem maklumat negara.

Delegasi JPS turut dibawa melawat ke Bahagian Kandungan Digital untuk melihat proses pendigitalan bahan secara dekat..

KUNJUNGAN HORMAT JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN MALAYSIA KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

24 NOVEMBER 2025

Selain itu, JPS mengunjungi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) dan ruang perkhidmatan Anjung Bestari.

Lawatan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan dua hala, malah memperlihatkan komitmen PNM untuk terus memacu kerjasama, inovasi dan pertukaran pengetahuan bagi memperkukuh perkhidmatan dan penyampaian maklumat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



TINJAUAN

KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA KE BILIK OPERASI PRABN MENGENAI AMARAN BANJIR



YBhg. Ketua Pengarah JPS Malaysia telah melakukan tinjauan ke Bilik Operasi, Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) pada 24 November 2025.

Untuk makluman sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, PRABN telah mengeluarkan sebanyak 17 ramalan awal banjir dan 7 notis amaran banjir melibatkan 7 negeri, iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak & Selangor.

LAWATAN KERJA

YB Timbalan Menteri Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

28 NOVEMBER 2025 | KEDAH



Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir ke Negeri Kedah pd 28 Nov 2025 bg meninjau Projek Tebatan Banjir Sungai Kedah/ Anak Bukit dan situasi banjir di sekitar Tanjung Pauh, Jitra dan Alor Gunong, Daerah Kota Setar



DECEMBER

2025

Salam Takziah

Dengan rasa amat dukacita, seluruh warga JPS ingin memaklumkan bahawa Bang Dan, En. Ashidan bin Saad, wira kita yang bertugas sebagai operator pintu air, baraj, dan pam di Kuala Perlis, telah kembali ke rahmatullah.

Beliau merupakan antara individu penting yang menjaga baraj dan sistem kawalan air, terutama sewaktu musim banjir di Perlis, bagi memastikan keselamatan dan kelancaran aliran air kepada seluruh komuniti. Khidmat baktinya sangat besar dan tidak dapat diungkap dengan kata-kata. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar buat keluarga, rakan-rakan, dan masyarakat setempat.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

Al-Fatihah.

Mohon doakan kesejahteraan roh beliau serta kekuatan buat keluarga yang ditinggalkan.



Slot temubual SELAMAT PAGI MALAYSIA @TV 1 RTM

"Dari Ramalan ke Tindakan: Bagaimana JPS Lindungi Anda"

**DARI RAMALAN KE TINDAKAN:
BAGAIMANA JPS LINDUNGI ANDA?**

IR. TS. HAJAH HAPIDA HJ GHAZALI
PENGARAH
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

IR. DR. SALWA RAMLY
TIMBALAN PENGARAH (OPERASI)
PUSAT RAMALAN DAN
AMARAN BANJIR NEGARA (PRABN)
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

**SELASA | 2 DISEMBER 2025
8.50 PAGI**

spm
Nadi Seri Pagi
Selamat Pagi Malaysia

tv1 **BERITA** **MYTV**
broadcasting SALURAN 101

YBrs. Ir. Hajah Hapida Hj Ghazali, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, JPS Malaysia bersama YBrs. Ir. Dr. Salwa Ramly, Timbalan Pengarah (Operasi), Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN), JPS Malaysia telah bersiaran secara langsung dalam slot temubual di Selamat Pagi Malaysia mengenai "Dari Ramalan ke Tindakan: Bagaimana JPS Lindungi Anda"



**TAKLIMAT KOMPREHENSIF SITUASI BANJIR, TAHAP HAKISAN
PANTAI DAN PERKEMBANGAN PROJEK TEBATAN BANJIR
DIPERSEMBAHKAN KEPADA**

YANG DI-PERTUAN AGONG

KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan dipersembahkan taklimat komprehensif mengenai situasi semasa banjir, tahap hakisan pantai serta perkembangan projek-projek tebatan banjir di seluruh negara.

Taklimat dipersembahkan oleh Datuk Ir Mohamad Radzi Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Istana Negara, pada hari ini (3 Disember).

Hadir bersama, Ir Muhammad Zaki Mashud, Pengarah JPS Johor. Sultan Ibrahim turut berkenan mengurniakan kebenaran penggunaan tanah milik Baginda kepada JPS bagi tujuan pembinaan kolam takungan banjir bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Johor.

Seri Paduka Baginda, bertitah keselamatan dan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan utama dalam setiap usaha pengurusan bencana.



PROGRAM RANCAKKAN MADANI BERSAMA MALAYSIAKU & KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2025

Program Rancakkan MADANI dan Bersama Malaysiaku telah membuka tirai sejak semalam, di Dataran Putrajaya dengan pelbagai pengisian untuk manfaat rakyat.

JPS Malaysia merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) turut sama memeriahkan reruai dengan menampilkan Model Program Ramalan Amaran Banjir Negara.

Sebagai tanda sokongan kepada program ini, YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia, turut hadir ke reruai bagi meninjau sendiri kemeriahan serta aktiviti yang disediakan.



MESYUARAT

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROGRAM PEMBANGUNAN (JPPP) BAGI PROJEK JABATAN BUKAN TEKNIKAL (AP182) BIL. 4/2025 10 DISEMBER 2025 / NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan (JPPP) bagi Projek Jabatan Bukan Teknikal (AP182) Bil. 4/2025 telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) yang diadakan di Bilik Mesyuarat Sri Seremban, Dewan Majlis Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah JPS Negeri, serta wakil jabatan bagi membincangkan prestasi semasa pelaksanaan fizikal dan kewangan projek-projek di bawah peruntukan AP182 yang dikendalikan oleh JPS Malaysia.

Selain itu, mesyuarat ini turut menjadi platform penyelarasan strategik antara JPS dan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar serta mencapai sasaran yang telah ditetapkan.



DAULAT TUANKU



Menjunjung kasih serta merafak sembah setinggi-tinggi tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-80 Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

Semoga Allah SWT terus mengurniakan kesihatan yang berpanjangan, keberkatan yang melimpah-ruah, serta kecemerlangan dalam pemerintahan Tuanku. Moga dilanjutkan usia Tuanku, diperkaya dengan kebijaksanaan, dan disinari cahaya keberkatan yang sentiasa menaungi pemerintahan Tuanku, demi kesejahteraan negeri serta rakyat jelata Negeri Selangor.

Sembah takzim daripada:
Ketua Pengarah dan Seluruh Warga Kerja
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



Majlis Penyampaian Watikah Pegawai JPS Malaysia



Majlis penyampaian watikah peringkat Jabatan telah diadakan pada 12 Disember 2025 yang lalu dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi Bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bersama-sama pengurusan tertinggi jabatan.



Majlis Penyampaian Watikah Pegawai JPS Malaysia



Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada Pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Ir. Arman bin Mokhtar

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred Utama C

Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran

Negeri Pahang

Berkuat kuasa pada

10 Disember 2025



Ir. Azaitulnora binti Shamsudin

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred Utama C

Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025



Dato' Ir. Ts. Haji Mohd Nazri bin Yasmin

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred Utama C

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Negeri Selangor

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025



Ir. Kalsom binti Mean

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal

Insan

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025

Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Mokhtar bin Masran

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Pengarah Pusat Kawalan SMART

Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025



Ir. Azli bin Ayub

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025



Ir. Nor Rozaini binti Abdullah

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025



Mohamad Asnawi bin Sulaiman

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Bahagian Pengurusan Banjir

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Berkuat kuasa pada

15 Disember 2025

Lawatan Kerja

YB TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA) KE NEGERI PERLIS

Satu lawatan kerja telah diadakan oleh Timbalan Menteri Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir pada 13 Disember 2025 bagi meninjau situasi pasca banjir yang melanda Negeri Perlis pada November 2025.

Lawatan ini turut diiringi oleh YBrs. Puan Roshana Alma binti Mohd Ali, Setiausaha Bahagian Sumber Air PETRA; YBrs. Ir. Asnol Adzhan bin Abd. Manap, Pengarah Bahagian Korporat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia; YBrs. Tuan Amir Budiman bin Abdullah, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perlis, pegawai-pegawai dari PETRA serta pegawai-pegawai dari JPS Perlis dan Pejabat Projek Persekutuan Perlis.

Dalam lawatan tersebut, YB Timbalan Menteri diberikan taklimat oleh Pengarah JPS Perlis berkaitan kronologi bencana banjir yang melanda Negeri Perlis termasuk laporan kerosakan infrastruktur JPS akibat banjir.

Seusai sesi taklimat, YB Timbalan Menteri telah dibawa membuat tinjauan lapangan ke beberapa kawasan yang terjejas akibat banjir, antaranya di Bintong, Panggau, Tebing Tinggi, serta kawasan Kolam Takungan 1 dan Kolam Takungan 7 di Empangan Timah Tasoh. Tinjauan ini bertujuan untuk menilai tahap kerosakan, keberkesanan sistem saliran dan tebatan banjir sedia ada, di samping mengenal pasti keperluan penambahbaikan bagi mengurangkan risiko banjir pada masa hadapan.

Selain itu, YB Timbalan Menteri turut dibawa melawat ke Pejabat Operasi Empangan Timah Tasoh dan diberi penerangan berhubung operasi empangan, pengurusan paras air, serta peranan empangan dalam pengawalan banjir di Negeri Perlis.



MAJLIS

Penyerahan Projek Mengatasi Kekeruhan Air Mentah yang Tinggi di Loji Rawatan Air Sungai Bilu

15 D I S E M B E R 2025 | P A H A N G



Projek Mengatasi Kekeruhan Air Mentah yang Tinggi di Loji Rawatan Air Sungai Bilut, Raub yang telah siap sepenuhnya dan sekaligus menjamin kelangsungan bekalan air bersih kepada lebih 8,000 akaun pengguna di Daerah Raub.

Majlis ini telah diadakan di Masjid Kampung Jeram Besu Raub pada 15 Disember 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri DiRaja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang.

PROGRAM

SEKOLAH ANGKAT MADANI TAHUN 2025, PERASMIAN SIMBOLIK PENYERAHAN ALATAN ICT ANTARA JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) MALAYSIA BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' AHMAD ARSHAD (SMKDAA)

15 DISEMBER 2025 | SEGAMAT, JOHOR

Penyerahan alatan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia yang turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Hj. Abdullah Zawawi bin Mohd Hairani Pengetua SMKDAA serta dif-dif jemputan lain.

Program ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan dalam usaha merealisasikan aspirasi Sekolah Angkat MADANI secara lebih menyeluruh dan berimpak.

Komitmen JPS Malaysia ini mencerminkan sokongan ke atas inisiatif Sekolah Angkat MADANI, khususnya dalam memperkasa kemudahan ICT serta menyokong pembangunan pendidikan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.





LAWATAN KERJA

DELEGASI KEMENTERIAN SUMBER AIR, REPUPLIK CHINA KE PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK) DAN PUSAT KAWALAM SMART

Seramai lapan (pegawai menyertai delegasi ini yang diketuai oleh Mr. JIN Hai, Ketua Pengarah Jabatan Kerjasama Antarabangsa dan Sains & Teknologi, Kementerian Sumber Air, Republik Rakyat China.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala serta bertukar pandangan dan pengalaman berkaitan pengurusan sumber air, pengurusan lembangan sungai dan pelaksanaan sistem kawalan banjir bersepadu. Delegasi turut diberi taklimat mengenai peranan dan fungsi PLSK dalam pengurusan Lembangan Sungai Klang, termasuk aspek pemantauan dan pelaksanaan berkaitan sumber air dan tebatan banjir.

Selain itu, delegasi turut dibawa melawat Pusat Kawalan SMART bagi melihat secara lebih dekat operasi Terowong SMART, termasuk sistem pemantauan, mekanisme kawalan aliran air serta prosedur pengoperasian semasa kejadian hujan lebat dan banjir. Lawatan ini memberi peluang kepada delegasi untuk memahami amalan terbaik Malaysia dalam mengurus risiko banjir bandar melalui penggunaan teknologi dan sistem bersepadu.



DELEGASI KEMENTERIAN SUMBER AIR | REPUBLIK RAKYAT CHINA PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK) DAN PUSAT KAWALAN SMART, LOJI RAWATAN KUMBAHAN PANTAI 2 DAN NAHRIM



Delegasi Republik Rakyat China yang diketuai oleh YBrs. Tuan Jin Hai, Ketua Pengarah Jabatan Kerjasama Antarabangsa dan Sains & Teknologi, Kementerian Sumber Air China, telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia pada 16 dan 17 Disember 2025.

Sepanjang lawatan tersebut, delegasi telah dibawa meninjau operasi serta mengadakan sesi perbincangan di Pejabat Lembangan Sungai Klang, Pusat Kawalan SMART,

Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2, serta Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Lawatan kerja diakhiri dengan satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air), PETRA. Mesyuarat memberi tumpuan kepada perkongsian teknologi dan pengalaman dalam bidang takungan air bawah tanah, keselamatan empangan, pengurusan banjir, serta latihan berkaitan sumber air.

Selain itu, perbincangan turut menyentuh persediaan bagi Mesyuarat Joint Steering Committee di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang sumber air yang dijadualkan pada tahun 2026.



MESYUARAT

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROGRAM PEMBANGUNAN JPS (JPPP JPS) BIL. 4/2025 16-17 DISEMBER 2025 | LANGKAWI, KEDAH



Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan JPS (JPPP JPS) Bil.4/2025 bertarikh 16 dan 17 Disember 2025 telah dipengerusikan oleh YBr. Ir. Hj. Mohd. Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia yang diadakan di Langkawi, Kedah.

Mesyuarat berkenaan telah dihadiri oleh Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah JPS Negeri serta Jurutera Projek. Perbincangan tertumpu kepada pemantauan dan penilaian prestasi pencapaian fizikal serta kewangan projek-projek pembangunan di bawah Rolling Plan 5 (RP5) Tahun 2025, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Tahniah & Penghargaan



Seluruh warga Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir atas pelantikan beliau sebagai Menteri Ekonomi yang baharu.

Ucapan penghargaan dan terima kasih turut dizahirkan atas segala jasa, bakti dan kepimpinan beliau sepanjang berkhidmat sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Selamat maju jaya dan semoga YB terus cemerlang dalam menggalas amanah demi kesejahteraan rakyat dan negara



Tahniah & Penghargaan

Seluruh warga Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah serta selamat datang kepada YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Pelantikan ini diyakini akan terus memperkukuh kepimpinan kementerian dalam menerajui agenda peralihan tenaga negara dan memperkasa transformasi sektor air secara mampan, berdaya tahan serta inklusif.

Selamat menjalankan tugas dan amanah kepada YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad.



LAWATAN TEKNIKAL & MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK MENAIKTARAF EMPANGAN TIMAH TASOH FASA 3

19 Disember 2025

Lawatan ini telah diadakan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bersama JPS Negeri Perlis pada 18 hingga 19 Disember 2025 dan telah dihadiri oleh YBr. Ir. Haji Mohd. Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia; YBhg. Dato' Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia; YBr. Ir. Ts. Hjh. Zakiyyah binti Muhammad, Pengarah Bahagian Reka Bentuk dan Empangan (BRE), JPS Malaysia; YBr. Ir. Ts. Hjh. Hapida binti Hj. Ghazali, Pengarah Bahagian Pengurusan Mekanikal dan Elektrikal (BPME), JPS Malaysia; YBhg. Datuk Sr Haji Azizul bin Ahmad Azly, Pengarah Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak (BUBPK), JPS Malaysia; YBr. Tn. Amir Budiman bin Abdullah, Pengarah JPS Negeri Perlis; YBr. Encik Azri bin Saleh, Timbalan Pengarah (Pembangunan), JPS Negeri Perlis, serta pegawai-pegawai kanan dan wakil daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Tinjauan lapangan bermula di kawasan pasca banjir pada bulan November lalu iaitu di Kolam Takungan 1, Empangan Timah Tasoh yang bertujuan untuk menilai tahap kerosakan, keberkesanan sistem saliran dan tebatan banjir sedia ada, serta mengenal pasti keperluan penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kejadian banjir pada masa hadapan.



ke Kawasan yang Terjejas Banjir Sekitar Sri Damai, UniPSAS & Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Paya Besar

19 Disember 2025



Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, diiringi YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Pendidikan, YB Puan Fadhlina bin Sidek, Timbalan Menteri Ekonomi, YB Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah serta YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar telah hadir meninjau kawasan yang terjejas banjir dan menyantuni penduduk

di sekitar kawasan Sri Damai dan Universiti Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) serta Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Paya Besar, Kuantan.

Lawatan tersebut bertujuan memastikan tahap keselamatan dan kebajikan penduduk terjejas sentiasa diberi perhatian.

Timbalan Perdana Menteri menzahirkan keprihatinan terhadap nasib mangsa banjir dengan menyampaikan sumbangan bantuan kepada para penduduk yang terjejas banjir di PPS SK Paya Besar bagi meringankan beban mereka di samping memberi sokongan moral.





Program

PENYERAHAN PROJEK SIAP JABATAN BUKAN TEKNIKAL (AP182) DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) DAN JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI IPOH, PERAK

Penyerahan projek ni telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), JPS Malaysia kepada YBrs. Ir. Hezrin Haslinda binti Hashim, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) selaku wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan YBrs. Harulnizam bin Abd Rahman, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak.



Projek yang terlibat adalah:

- Kerja-kerja Menaiktaraf Rumah Pam Padang lalang dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Dalam Rancangan Pengairan Kerian, Perak Darul Ridzuan;
 - Pembinaan Spillway dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Ban Aras Tinggi Terusan Besar Di Dalam Rancangan Pengairan Kerian, Perak Darul Ridzuan; dan
 - Projek Jambatan Sungai Bekut Kampung Orang Asli Sungai Cincin, Perak Darul Ridzuan.
- Sesi penyerahan projek ini adalah bukti kerjasama dan dedikasi JPS Malaysia dalam sama-sama terlibat dengan KPKM dan JAKOA di dalam menyempurnakan hasrat Kerajaan menyediakan infrastruktur pengairan dan saliran yang lengkap dan berkualiti serta menyokong pembangunan sosial dan ekonomi komuniti orang asli serta meningkatkan taraf hidup mereka.



Tahniah & Penghargaan

Sekalung Tahniah dan Penghargaan
kepada

YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib
Ketua Pengarah JPS Malaysia

atas perantikan sebagai

Ahli Lembaga

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

Bermula dari **14 Oktober 2025** sehingga **13**
Oktober 2026

Ikhlas daripada seluruh warga JPS Malaysia



Selamat Menyambut Hari Natal
kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya yang beragama Kristian.
Semoga perayaan ini dapat disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan kasih sayang
supaya negara kita terus dilimpahi dengan kedamaian, kebahagiaan dan kesejahteraan
untuk semua.



SELAMAT MENYAMBUT

Hari Natal

25 DISEMBER 2025

Ikhtisar daripada



**Ketua Pengarah dan Seluruh Warga
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia**



www.water.gov.my



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - JPS



[jps_malaysia](https://www.instagram.com/jps_malaysia)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Bagan Datuk, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, telah menghadiri lawatan kerja ke tapak Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bagan Datuk yang terletak di Kampung Sungai Balai Baroh, hari ini.

Lawatan tersebut bertujuan meninjau kemajuan pelaksanaan projek serta mendapatkan taklimat berkaitan status semasa Projek RTB Bagan Datuk. Projek ini merupakan antara inisiatif penting Kerajaan dalam usaha mengurangkan risiko banjir berulang, khususnya kejadian banjir termenung yang sering menjejaskan kawasan penempatan penduduk setempat.

Delegasi JPS turut dibawa melawat ke Bahagian Kandungan Digital untuk melihat proses pendigitalan bahan secara dekat.,

LAWATAN KERJA YANG AMAT BERTHORMAT TIMBALAN PERDANA MENTERI KE PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) BAGAN DATUK

Turut hadir bersama ialah Pengarah JPS Negeri Perak, YBrs. Ir. Dr. Asnor Muizan bin Dato' Haji Ishak, Timbalan Pengarah I, Puan Ir. Hajah Azizah binti Mohd Sabri serta wakil-wakil daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Negeri Perak, pihak kontraktor serta agensi-agensi berkaitan.

Dalam lawatan tersebut, YAB Timbalan Perdana Menteri turut diberi penerangan mengenai skop projek, cabaran pelaksanaan serta langkah-langkah mitigasi yang diambil bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual dan memberi manfaat optimum kepada rakyat.



Majlis Ramah Mesra

SEMPENA LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) MALAYSIA, YBHG. DATUK IR. MOHAMAD RADZI BIN ABDUL TALIB KE JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) NEGERI MELAKA

Majlis Ramah Mesra sempena lawatan kerja Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib ke Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Melaka telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama JPS Negeri Melaka bagi mempererat silaturahim dan penyelarasan kepimpinan tertinggi JPS Pusat dengan pengurusan serta kakitangan JPS Negeri Melaka.

Hadir sama, YBrs. Ir. Mohd Adnan bin Ahmad Fauzi, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Melaka serta Timbalan Pengarah (Pembangunan), Timbalan Pengarah (Pengurusan), Ketua-ketua Bahagian, Jurutera-jurutera Daerah dan Ketua Daerah JPS Negeri Melaka.



Lawatan Kerja

Projek Penstabilan Tebing Bagi Rancangan Pemulihan Koridor Sg. Pahang

29 Disember 2025 | Pahang

YBhg. Dato' Ir. Mohd Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia telah menghadiri lawatan kerja bersama Tuan Pengarah JPS Negeri Pahang, Ir. Arman bin Mokhtar. Lawatan ini turut diiringi oleh Jurutera Daerah Nik Mohd Fariz bin Zamani ke Projek Penstabilan Tebing Bagi Rancangan Pemulihan Koridor Sg. Pahang Di Daerah Pekan (Sek. Keb. Kg. Langgar), Pahang.



SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2026

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 kepada seluruh rakyat Malaysia.

Semoga tahun 2026 membawa sinar kemakmuran, keharmonian, dan kejayaan untuk kita semua.

